



OBJEKTIVITI membantu agamawan dalam memberikan panduan yang lebih berasas dan adil kepada masyarakat, terutama dalam isu-isu yang melibatkan kepelbagaian pandangan serta kepercayaan.
- AFP

Agamawan perlu kuasai ilmu falsafah, linguistik

SAUDARA PENGARANG,

DALAM era globalisasi dan teknologi maklumat ini, agamawan berdepan dengan pelbagai cabaran dalam menyampaikan ajaran agama yang relevan dan berkesan. Penguasaan ilmu falsafah, terutamanya pendekatan logik, rasional serta sosiolinguistik dan wacana tekstual penting bagi agamawan untuk berinteraksi dengan masyarakat yang semakin kritis serta berbilang budaya.

Ulama-ulama terdahulu seperti Al-Ghazali dan Ibnu Rushd sering menekankan kepentingan objektiviti dalam kajian falsafah dan teologi. Mereka percaya pemikiran yang objektif adalah kunci untuk memahami kebenaran dan membezakan antara fakta dan pendapat. Objektiviti membantu agamawan dalam memberikan panduan yang lebih berasas dan adil kepada masyarakat, terutama dalam isu-isu yang melibatkan kepelbagaian pandangan dan kepercayaan.

Baru-baru ini, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) terlibat dalam kontroversi apabila menganjurkan lawatan ke kuil sebagai sebahagian daripada latihan *interfaith* untuk pegawai-pegawai agama. Inisiatif ini bertujuan untuk memupuk kefahaman antara agama dan mempromosikan keharmonian antara masyarakat pelbagai agama. Namun, langkah ini menimbulkan pelbagai reaksi dengan sebahagian pihak menyokong usaha tersebut sebagai satu langkah positif ke arah toleransi beragama, manakala pihak lain melihatnya sebagai tindakan yang bertentangan dengan prinsip agama Islam.

Pendekatan sosiolinguistik dan logik

sangat diperlukan dalam situasi ini untuk membantu agamawan mengemukakan hujah yang meyakinkan mengenai kepentingan dialog antara agama. Agamawan boleh menggunakan logik untuk menjelaskan manfaat jangka panjang dari inisiatif ini dan menggunakan sosiolinguistik dalam memahami reaksi masyarakat ketika menyesuaikan komunikasi bagi mengurangkan salah faham.

Dalam menghadapi cabaran dan isu semasa, penguasaan ilmu falsafah dan linguistik adalah penting bagi agamawan. Sumber utama Islam, iaitu al-Quran dan Sunnah, serta pandangan ulama turath dan kontemporari harus menjadi prinsip utama dalam menangani semua isu.

Untuk mengukuhkan peranan agamawan, latihan dan pendidikan dalam bidang falsafah dan sosiolinguistik perlu diberikan penekanan. Institusi agama disaran untuk menyediakan program latihan yang menekankan kemahiran analisis kritikal dan pemahaman konteks sosial. Kolaborasi antara institusi agama dan budaya juga perlu dipertingkatkan untuk membangunkan modul pendidikan yang mengambil kira kepelbagaian budaya dan bahasa di Malaysia.

Dengan mengaplikasikan pendekatan-pendekatan ini, agamawan di Malaysia akan lebih berupaya untuk memimpin dan membimbing masyarakat ke arah yang lebih harmoni dan berdaya tahan.

DR. NOR HANANI ISMAIL

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP),
Universiti Utara Malaysia (UUM).